

# NINAZOL SHAMPOO®

Ketoconazole (2.0% w/v)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ninazol
2. Bagaimana Ninazol berfungsi
3. Sebelum menggunakan Ninazol
4. Cara menggunakan Ninazol
5. Semasa menggunakan Ninazol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ninazol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Ninazol

Ninazol digunakan untuk merawat kelemumur, ruam gatal dan kepingan sisik kulit kepala.

## Bagaimana Ninazol berfungsi

Ia menghalang pertumbuhan kulat dan yis. Ia juga melegakan kelemumur dan kegatalan pada kulit kepala.

## Sebelum menggunakan Ninazol

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Ninazol jika anda mengalami alahan terhadap ketoconazole atau bahan-bahan lain yang terdapat dalam Ninazol.

### - Sebelum mula menggunakan Ninazol

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda:

- Telah menggunakan steroid untuk jangka masa yang panjang.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubatan yang didapatkan tanpa preskripsi. Anda mungkin perlu mengubah dos anda atau mengambil ubat lain. Doktor anda akan memberikan cadangan.

### - Semasa mengandung dan menyusu bayi

Ninazol Syampu hanya boleh digunakan semasa kehamilan jika manfaat yang berpotensi melebihi risiko yang mungkin berlaku kepada janin. Ia juga tidak digalakkan untuk menyusu bayi semasa terapi dengan Ninazol sedang dijalankan.

## Cara menggunakan Ninazol

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Berapa banyak harus digunakan

Sapukan Ninazol yang mencukupi pada rambut basah untuk menghasilkan buih yang cukup untuk mencuci rambut dan kulit kepala. Urut dengan perlahan-lahan pada seluruh kulit kepala selama kira-kiranya satu minit dan bilaskanya kemudian. Ulangi langkah tersebut dan biarkan syampu tinggal pada kulit kepala selama 3 minit lagi. Bilas rambut dan kulit kepala dengan teliti selepas ini dan keringkan rambut seperti biasa.

### - Bila perlu digunakan

Gunakan Ninazol dua kali seminggu selama 4 minggu, dengan sekurang-kurangnya selang 3 hari di antara setiap pencucian rambut.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Ninazol

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Patuhi arahan doktor atau ahli farmasi anda ketika menggunakan Ninazol. Jika anda tidak pasti, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda dengan segera sekiranya anda perasan sebarang kesan sampingan atau kesan sampingan menjadi serius atau apa-apa yang menyebabkan anda berasa tidak sihat.
- Jika anda merancang untuk mengambil ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi anda yang anda sedang mengambil Ninazol.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mengambil Ninazol selepas tarikh luput yang dinyatakan pada strip dan kotak tersebut.
- Jangan berkongsi Ninazol dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

- Memandu dan menggunakan mesin: Ninazol tidak menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin.

Elakkan bersentuhan dengan mata. Basuh mata dengan teliti dengan air sejuk jika syampu masuk ke dalam mata.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti produk lain, Ninazol boleh mendatangkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mempunyai simptom seperti:

- Kerengsaan
- Keradangan pada kulit
- Rasa membakar
- Rambut dan kulit kepala yang kering/berminyak
- Kulit kering
- Gatal
- Rambut yang dikeriting akan kehilangan gelombanganya.
- Penyahwarnaan rambut yang telah dirosak dengan penggunaan kimia atau rambut kelabu

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*)

**Tarikh kemaskini RiMUP**

10/01/2018

**Nombor siri**

NPRA(R4/1)100118/00004

**Cara penyimpanan dan pelupusan**

**Ninazol**

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang sejuk dan kering di bawah suhu 30°C.

Lindungi daripada cahaya.

Jauhi daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Ninazol syampu adalah larutan likat yang jernih dan berwarna merah.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif

Setiap ml mengandungi Ketoconazole 2.0% w/v.

- Bahan tidak aktif

Texapon N28, comperlan KD, dehyton K, polyethylene glycol 400, citric acid, edetate disodium, butylated hydroxytoluene, alcohol, polyquartH81, ponceau 4R, colour perfume, purified water.

- Bungkusan

Ia dibungkus dalam 100ml HDPE botol.

- Nombor MAL

MAL20033676AZ

**Pengilang**

T.O. CHEMICALS (1979) LTD.  
280 Soi Sabajjai, Suthisarn Road,  
Bangkok 10310, Thailand.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

IMEKS Pharma Sdn. Bhd.  
No. 5 & 9, Jalan Udang Harimau 2,  
Medan Niaga Kepong,  
51200 Kuala Lumpur.